



## SIARAN AKHBAR

### JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

#### MESYUARAT KETUA-KETUA KASTAM BIMP-EAGA KALI KE-16 KUCHING, SARAWAK, MALAYSIA

---

1. Yang Mulia Awang Muhammad Azizil Hakim bin Brahim, Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja bersama dengan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah mewakili Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kastam BIMP-EAGA kali ke-16, yang berlangsung di sebuah hotel di Kuching, Sarawak, Malaysia pada 2 hingga 3 Oktober 2025. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Ketua Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
2. Mesyuarat Ketua-Ketua Kastam BIMP-EAGA Kali ke-16 turut dihadiri oleh Ketua-Ketua Pengarah Kastam dan Pegawai-Pegawai Kanan Kastam BIMP-EAGA, *BIMP-EAGA Facilitation Centre* (BIMP-FC), *BIMP-EAGA Business Council* (BEBC) dan *Asian Development Bank* (ADB). Diantara perbincangan utama adalah mengenai projek-projek di bawah *BIMP-EAGA Trade Facilitation Cluster, Customs Working Group*; rundingan dengan pihak swasta melalui BEBC mengenai cadangan projek bersama; dan bantuan teknikal yang diberikan oleh ADB.
3. Di antara keputusan utama mesyuarat tersebut adalah menjadikan Akademi Kastam Malaysia (AKMAL) Kuching, Sarawak, Malaysia sebagai Pusat Latihan BIMP-EAGA (BETC), yang berperanan sebagai pusat latihan utama bagi Pentadbiran Kastam negara anggota BIMP-EAGA. Ahli mesyuarat turut menghadiri majlis perasmian BETC, yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, dan seterusnya menerima taklimat ringkas serta meninjau kemudahan latihan yang disediakan. AKMAL juga merupakan sebuah Pusat Latihan Serantau yang diiktiraf oleh World Customs Organization (WCO). Ahli mesyuarat juga mempersetujui bahawa mesyuarat seterusnya akan diadakan sekali setiap dua tahun, dengan sesi berikutnya dijadualkan berlangsung di Filipina pada tahun 2027.
4. Penyertaan NBD dalam mesyuarat ini mencerminkan komitmen berterusan JKED dalam menyokong agenda BIMP-EAGA untuk memperkuatkan integrasi ekonomi serantau, memudahkan perdagangan, dan mempererat kerjasama antara negara anggota BIMP-EAGA.

**Jabatan Kastam dan Eksais Diraja  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

Tarikh: 13 Rabiulakhir 1447  
5 Oktober 2025



*Yang Mulia Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim, Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja bersama dengan Pegawai-Pegawai Kanan JKED yang menghadiri mesyuarat tersebut.*



*Sesi bergambar bersama Pengurus Mesyuarat dan Ketua-Ketua delegasi.*



*Acara pertukaran cenderamata oleh Yang berbahagia Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainudin Ketua Pengarah Kastam, JKDM*